

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**

**SOALAN NO. 151**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tentang aduan yang diterima dari sektor pembinaan mengenai kesukaran mendapatkan pekerja tempatan walaupun iklan-iklan sering dibuat dan berapakah jumlah pekerja asing yang berada dalam sektor pembinaan masa kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Semua permohonan penggajian pekerja asing diwajibkan dibuat secara *online* menggunakan Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) melalui laman sesawang [www.eppax.gov.my](http://www.eppax.gov.my). Setiap permohonan akan disiasat oleh pegawai-pegawai Jabatan Tenaga Kerja (JTK) bagi memastikan kesahihan majikan dan usaha-usaha mendapatkan pekerja tempatan melalui pengiklanan kekosongan jawatan di Portal Pekerjaan *JobsMalaysia*. Majikan juga perlu menghadiri temuduga melalui *One Stop Centre* (OSC) di Kementerian Dalam Negeri (KDN) termasuk syarikat-syarikat di sektor pembinaan bagi mendapatkan kelulusan oleh agensi-agensi kawal selia mengikut kategori sektor pekerjaan yang ditelah ditetapkan.
2. Kerajaan juga mengenakan syarat-syarat yang ketat ke atas majikan yang ingin mengajikan pekerja asing dengan mewajibkan

## SOALAN NO: 151

mereka mengiklankan kekosongan sesuatu jawatan dalam portal *JobsMalaysia* sebelum dikeluarkan Perakuan *JobsMalaysia* menggaji pekerja bukan warganegara, pendekatan ini adalah bagi memastikan keutamaan mengisi sesuatu kekosongan jawatan diberikan terlebih dahulu kepada rakyat tempatan walaupun di kategori pekerjaan asas.

3. Berdasarkan statistik Jabatan Imigresen Malaysia sehingga Mei 2019, terdapat seramai 451,913 orang (22 %) pekerja asing yang bekerja secara sah di sektor pembinaan di negara ini berbanding dengan seramai 2.06 juta orang pekerja asing yang telah dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS).

4. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, berdasarkan rekod JTK sehingga Mei 2019 terdapat sebanyak 451 majikan mengemukakan permohonan untuk mengajikan seramai 59,315 pekerja asing di sektor pembinaan. Daripada jumlah tersebut hanya sebanyak 106 majikan (23.5%) telah di perakukan menggaji seramai 14,005 orang (23.6%) pekerja asing. Sebanyak 345 majikan (76.5%) permohonan iaitu seramai 45,310 orang (76.4%) telah ditolak permohonan dengan pelbagai sebab. Antara sebab-sebab penolakan tersebut kerana kegagalan majikan mematuhi undang-undang perburuhan dan tiada keperluan sebenar mengikut kelayakan yang disahkan oleh *Construction Industry Development Board (CIDB)*.